

02/12/1999

Petanda amaran penduduk tolak kumpulan reformasi

Misiah Taib

KUCHING: Kejayaan Barisan Nasional (BN) Sarawak mencatat rekod dengan menyapu bersih semua 28 kerusi di negeri itu, adalah satu petanda jelas betapa penduduk Sarawak mengiktiraf perjuangan BN dan mahukan kesinambungan pembangunan yang dibawa oleh kerajaan selama ini.

Ia juga satu 'petanda amaran' betapa penduduk Sarawak menolak sekeras-kerasnya kehadiran pembangkang, terutama pakatan yang kononnya cuba meniupkan semangat reformasi.

Malah pelbagai taktik dan propaganda pakatan pembangkang di Sarawak yang terdiri daripada Parti Keadilan Nasional (Keadilan), DAP dan Parti Reformasi Negeri Sarawak (Star), gagal menambat hati pengundi di negeri itu.

Kehadiran beberapa pemimpin kanan pembangkang dari Semenanjung, termasuk Pengerusi Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat; Datuk Harun Din dan Ruslan Kassim, sepanjang tempoh kempen pembangkang di negeri itu juga gagal mengubah pendirian pengundi di Sarawak.

Malah usaha terakhir pakatan pembangkang membawa Ketua Pemuda Keadilan, Mohd Ezam Mohd Nor dan anak bekas Timbalan Perdana Menteri, Nurul Izzah Anwar, untuk meraih undi simpati dari pengundi di Bumi Kenyalang, tiga hari sebelum hari pengundian, turut gagal.

Ini kerana rata-rata pemilih berdaftar di Sarawak sudah membulatkan tekad untuk memberi sokongan padu kepada BN pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat Pusat dan Tan Sri Abdul Taib Mahmud di peringkat negeri, yang selama ini sudah membuktikan rekod cemerlangnya.

Tiada siapa pun boleh menafikan betapa arus perdana pembangunan berlaku di seluruh pelosok negeri Sarawak sepanjang pemerintahan kerajaan BN di negeri itu.

Lebih bermakna buat BN Sarawak ialah kemenangan kali ini adalah satu sejarah, apabila semua 27 kerusi yang dipertandingkan dimenangi, setelah petanda awal kemenangan dicipta pada hari penamaan calon, apabila calonnya di Betong, Datuk Douglas Uggah Anak Embas, menjadi calon Parlimen tunggal di seluruh negara yang menang tanpa bertanding.

Rekod Sarawak pada pilihan raya Parlimen ke-10 ini adalah yang terbaik pernah dicapai selepas kemenangan besar yang dicipta pada 1995. Pada 1995, BN Sarawak memenangi 9 kerusi tanpa bertanding dan daripada 18 kerusi yang dipertandingkan pada tahun itu, ia memenangi 17 kerusi.

Kawasan Parlimen Bintulu, satu-satunya kerusi yang jatuh ke tangan DAP pada 1995 juga berjaya ditawan balik oleh BN kali ini, apabila muka barunya, Datuk Tiong King Sing, menewaskan calon DAP, Chew Chiu Sing (DAP) dengan majoriti 1,400 undi.

Bintulu yang dianggap 'kawasan hitam' bagi BN Sarawak, berjaya dirampas kembali apabila Tiong memperoleh 15,681 undi, berbanding Chew yang mendapat 14,281 undi.

Kawasan Parlimen Sibu dan Lanang, yang turut diura-urakan sebagai 'kawasan hitam' buat BN Sarawak kali ini juga mampu dimenangi mudah oleh calon BN.

Pengerusi DAP Sarawak, Wong Sing Nang, tumbang di kerusi Parlimen Sibu, ditangan lawannya yang juga penyandang kerusi itu, Robert Lau Hoi Chiew (BN), menerusi majoriti besar, 9,142 undi. Wong memperoleh 14,085 undi, berbanding Lau yang mendapat 23,227 undi.

Sementara di kerusi Lanang, seorang lagi orang kuat DAP, Wong Ho Leng,

turut mengalami kekalahan ditangan penyandang BN, Tiong Thai King. Wong hanya memperoleh 9,466 undi, berbanding Tiong 16,256 undi.

Begitu juga kerusi Parlimen Mas Gading yang sebelumnya diyakini oleh Star, mampu ditawannya. Calon Star bagi kerusi berkenaan, yang juga Presiden parti itu, Dr Patau Rubis, kalah kepada muka baru BN, Dr Tiki Lafe.

Dr Patau adalah penyandang kerusi berkenaan selepas memenangnya atas tiket BN pada 1995. Namun beliau yang dipecat dari Kabinet Sarawak kemudiannya menubuhkan parti pembangkang, Star.

Pada pilihan raya kali ini, Dr Patau sekadar memperoleh 6,764 undi, berbanding Dr Tiki yang mendapat 10,584 undi.

Ketua Perhubungan Keadilan Sarawak, Yusuf Abdul Rahman, tewas teruk di tangan seorang lagi penyandang BN, Datuk Dr Leo Michael Toyad. Yusuf mendapat 3,691 undi, berbanding Toyad yang mendapat 11,258 undi.

Kekalahan teruk semua pemimpin pembangkang di Sarawak itu, seharusnya menjadi amaran betapa rakyat di negeri itu menolak apa jua propaganda pembangkang.

Daripada keputusan paling awal yang mengumumkan kemenangan Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau di kerusi Saratok pada jam 7.28 malam kelmarin, sehinggalah kepada kemenangan kerusi ke-28 bagi kawasan Parlimen Bintulu yang diumumkan pada jam 12.25 pagi semalam, jelas menyaksikan betapa kekuatan BN Sarawak sukar untuk digugat.

Malah pelbagai propaganda pembangkang, terutama berhubung isu pengambilan tanah oleh kerajaan negeri, khususnya tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) serta cubaan untuk memburuk-burukkan imej pemimpin tempatan, gagal mengubah tekad pengundi Sarawak untuk terus menjadikan BN sebagai pilihan.

Akhirnya daripada 64 calon yang bertanding, semua 28 calon BN menjadi pilihan, sedang kehadiran 13 calon Keadilan, 12 calon Bebas, tujuh calon DAP, empat calon Star dan seorang calon Pas ditolak oleh pengundi di negeri itu.

Keyakinan penuh yang diberikan pengundi Sarawak terhadap BN itu juga tidak akan menyebabkan kerajaan BN di negeri itu bersikap angkuh, sebaliknya ia berjanji meneruskan perjuangan untuk rakyat serta negeri itu ke arah membina Sarawak yang lebih makmur dan harmoni.

Malah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, selaku Pengerusi BN negeri, tidak mahu bersikap takbur, meski pun jelas pengundi Sarawak mengiktiraf perjuangan BN.

"Saya tidak mahu takbur. Jika saya katakan saya boleh mengulangnya, saya tidak mahu digelar takbur. Jika saya katakan saya tidak boleh, pembangkang akan jadikan ia sebagai alasan.

"Apa yang penting sekarang ialah saya mahu memastikan rakyat Sarawak terus menikmati pembangunan seperti sekarang. Kita mahu agar rakyat mempunyai banyak sebab, mengapa mereka memilih BN, dengan cara meneruskan rekod cemerlang BN selama ini," katanya.

Taib berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada beliau yakin BN Sarawak mampu mengulangi kecemerlangan itu pada pilihan raya umum negeri yang dijangka diadakan antara lewat tahun depan hingga pertengahan 2001.

Tempoh kerajaan negeri di Sarawak akan tamat pada Ogos 2001, selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) kali terakhir dibubarkan pada Ogos 1996.

(END)